



PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 9/2024

PENYETARAAN MARKAH LAPORAN KEMAJUAN KURSUS (LKK) DENGAN LAPORAN NILAIAN PRESTASI TAHUNAN (LNPT)

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan mengenai kelulusan penyetaraan markah Laporan Kemajuan Kursus (LKK) dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) oleh Mesyuarat Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM) Bilangan 10 (Kali Ke-71) yang bersidang pada 18 Disember 2023.
2. Penyetaraan Markah Laporan Kemajuan Kursus (LKK) dengan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) akan digunakan bagi tujuan:
 - a) pemberian KGT staf akademik dan staf pentadbiran dengan minimum markah penyetaraan 60%; dan
 - b) kenaikan pangkat staf dengan minimum markah penyetaraan 85% bagi staf akademik dan minimum 80% bagi staf pentadbiran.
3. Walau bagaimanapun, sekiranya pegawai berkhidmat melebihi enam (6) bulan sebelum cuti belajar maka markah LNPT seperti kelaziman akan diguna pakai bagi tahun tersebut. Sekiranya pegawai berkhidmat kurang dari enam (6) bulan sebelum cuti belajar maka markah LKK akan diguna pakai bagi tahun tersebut. Pegawai yang dalam tempoh pengajian adalah diingatkan supaya melengkapkan dan menghantar LKK 1 dan LKK 2 bagi tujuan penyetaraan.
4. Perincian penyetaraan LKK dengan LNPT adalah seperti di **LAMPIRAN A**. Pindaan ini berkuatkuasa serta merta mulai tarikh pekeliling ini dikeluarkan. Kerjasama semua pihak dimohon untuk mengambil perhatian ke atas pekeliling ini.

Sekian, terima kasih.

"ISLAM MEMIMPIN, RAJA MENAUNGI, NEGERI BERKAT"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(KHAIRUL ERWAN BIN ABDUL HALIM, P.J.K)

Pendaftar

21 APRIL 2024

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan-Timbalan Naib Canselor
 - Semua Ketua Pusat Tanggungjawab

PENYETARAAN MARKAH LAPORAN KEMAJUAN KURSUS (LKK) DENGAN LAPORAN NILAIAN PRESTASI TAHUNAN (LNPT) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Prestasi kerja pegawai Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dinilai melalui Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT).
- 1.2 Markah LNPT ini digunakan sebagai salah satu syarat Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) dan kenaikan pangkat.
- 1.3 Pegawai perlu mendapatkan markah LNPT minimum 60% bagi memenuhi syarat KGT.
- 1.4 Pegawai perlu mendapatkan markah LNPT minimum:
 - 1.4.1 bagi staf akademik 85% selama tiga (3) tahun terakhir berturut-turut untuk memenuhi syarat kenaikan pangkat; dan
 - 1.4.2 bagi staf pentadbiran purata 80% selama tiga (3) tahun terakhir sebelum permohonan untuk memenuhi syarat kenaikan pangkat.
- 1.5 Tertakluk kepada sebarang pindaan Syarat-Syarat & Tatacara Kenaikan Pangkat dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2009.
- 1.6 Walau bagaimanapun, pegawai yang sedang cuti belajar tidak dinilai melalui LNPT kerana tidak diberikan beban tugas sepanjang tempoh cuti belajar itu.
- 1.7 Prestasi pengajian pegawai yang sedang cuti belajar dinilai melalui Laporan Kemajuan Kursus (LKK).
- 1.8 Oleh itu, penyetaraan LKK dengan LNPT ini membolehkan pegawai yang sedang cuti belajar dinilai setara dengan staf sedang berkhidmat.

2.0 PENYETARAAN LKK DENGAN LNPT

- 2.1 Markah LKK bagi pengajian:
 - 2.1.1 Mod Kerja Kursus dinilai berdasarkan markah PNGK;
 - 2.1.2 Mod Penyelidikan dinilai berdasarkan markah yang dinilai oleh penyelia.
- 2.2 Markah wajaran LKK ialah 10%. Manakala, markah wajaran LNPT ialah 100%.
- 2.3 Oleh itu, penyetaraan markah dibuat dengan menyetarakan wajaran LKK dengan LNPT seperti berikut:

2.3.1 Pengiraan LKK:

$$\text{Pengiraan Markah LKK} = \frac{\text{Markah Diperolehi (Penilaian Penyelia atau PNGK)}}{\text{Markah Maksimum (Penilaian Penyelia atau PNGK)}} \times 10 \text{ Markah Wajaran}$$

2.3.2 Pengiraan Penyetaraan LKK dengan LNPT:

$$\text{Pengiraan Penyetaraan Markah LKK dengan LNPT} = \frac{\text{Markah Diperolehi (Penilaian Penyelia atau PNGK)}}{\text{Markah Maksimum (Penilaian Penyelia atau PNGK)}} \times 100 \text{ Markah Wajaran}$$

2.4 LKK dinilai dua (2) kali dalam setahun manakala LNPT dinilai sekali (1) dalam setahun. Oleh itu, penyetaraan markah LKK dengan LNPT akan dipuratakan mengikut semester.

3.0 SIMULASI

3.1 En. Ali bin Abu seorang staf akademik yang sedang cuti belajar. Beliau menyambung pengajian dalam Mod Kerja Kursus. Markah PNGK yang diperolehi pada semester itu ialah 3.39 daripada 4.00. Markah LKK yang diperolehi dengan wajaran markah 10 ialah 8.48. Oleh itu, penyetaraan markah LKK dengan LNPT yang diperolehi dengan wajaran markah 100 ialah 84.75%. Beliau memenuhi syarat KGT iaitu memperolehi minimum markah LNPT 60% tetapi tidak memenuhi syarat kenaikan pangkat iaitu minimum markah LNPT 85% bagi staf akademik.

$$\text{Pengiraan Markah LKK} = \frac{\text{PNGK } 3.39}{\text{Markah maksimum } 4.00} \times \text{Markah wajaran } 10 = 8.48$$

$$\text{Pengiraan Penyetaraan Markah LKK dengan LNPT} = \frac{\text{PNGK } 3.39}{\text{Markah maksimum } 4.00} \times \text{Markah wajaran } 100 = 84.75\%$$

- 3.2 Pn. Fatimah binti Ahmad seorang staf akademik yang sedang cuti belajar. Beliau menyambung pengajian dalam Mod Penyelidikan. Markah penilaian oleh penyelia yang diperolehi pada semester itu ialah 76.50 daripada 90 markah. Markah LKK yang diperolehi dengan wajaran markah 10 ialah 8.50. Oleh itu, penyetaraan markah LKK dengan LNPT yang diperolehi dengan wajaran markah 100 ialah 85%. Beliau memenuhi syarat KGT iaitu memperoleh minimum markah LNPT 60% dan memenuhi syarat kenaikan pangkat iaitu minimum markah LNPT 85% bagi staf akademik.

Pengiraan Markah LKK

$$= \frac{\text{Markah penilaian}}{\text{Markah maksimum}} \times \text{Markah wajaran} = \frac{76.50}{90.00} \times 10 = 8.50$$

Pengiraan Penyetaraan Markah LKK dengan LNPT

$$= \frac{\text{Markah penilaian}}{\text{Markah maksimum}} \times 100 = \frac{76.50}{90.00} \times 100 = 85.00\%$$

- 3.3 Pn. Seng Lai Gi seorang staf pentadbiran yang sedang cuti belajar. Beliau menyambung pengajian dalam Mod Kerja Kursus. Markah PNGK yang diperolehi pada semester itu ialah 3.00 daripada 4.00 markah. Markah LKK yang diperolehi dengan wajar markah 10 ialah 7.50. Oleh itu, penyetaraan markah LKK dengan LNPT yang diperolehi dengan wajar markah 100 ialah 75%. Beliau memenuhi syarat KGT iaitu memperolehi minimum markah LNPT 60% tetapi tidak memenuhi syarat kenaikan pangkat iaitu minimum markah LNPT 80% bagi staf akademik.

$$\text{Pengiraan Markah LKK} = \frac{3.00}{4.00} \times 10 = 7.50$$

$$\text{Pengiraan Penyetaraan Markah LKK dengan LNPT} = \frac{3.00}{4.00} \times 100 = 75.00\%$$

- 3.4 En. Daniel Anak Gep seorang staf pentadbiran yang sedang cuti belajar. Beliau menyambung pengajian dalam Mod Penyelidikan. Markah penilaian oleh penyelia yang diperolehi pada semester itu ialah 72.00 daripada 90 markah. Markah LKK yang diperolehi dengan wajaran markah 10 ialah 8.00. Oleh itu, penyetaraan markah LKK dengan LNPT yang diperolehi dengan wajaran markah 100 ialah 80%. Beliau memenuhi syarat KGT iaitu memperoleh minimum markah LNPT 60% dan memenuhi syarat kenaikan pangkat iaitu minimum markah LNPT 80% bagi staf akademik.

$$\begin{array}{c}
 \boxed{\text{Markah penilaian}} \quad \boxed{\text{Markah wajaran}} \\
 \text{Pengiraan} \\
 \text{Penyetaraan Markah} = \frac{72.00}{90.00} \times 10 = 8.00 \\
 \text{LKK dengan LNPT} \\
 \boxed{\text{Markah maksimum}}
 \end{array}$$

$$\begin{array}{c}
 \boxed{\text{Markah penilaian}} \quad \boxed{\text{Markah wajaran}} \\
 \text{Pengiraan Markah LKK} = \frac{72.00}{90.00} \times 100 = 80\% \\
 \boxed{\text{Markah maksimum}}
 \end{array}$$